## Ipmuda Utara Sdn Bhd lwn Westech Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — GUAMAN SIVIL NO 22–7 TAHUN 1998
VT SINGHAM H
9 JUN 2004

*Acara Sivil — Kos — Kos penyediaan guaman — Taksiran — Pengkajian semula taksiran — Permohonan melalui surat — Sama ada melanggar Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 — Rayuan terhadap pengkajian semula taksiran — Sama ada rayuan kepada hakim dalam kamar sesuai — Penepian — Prejudis — Ketidakadilan substantial — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 1A, 2, 59 kk 20, 34, 35, 36(1), (3), (4), Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 3*

Defendan telah memperolehi empat perintah berasingan terhadap plaintif bersama-sama kos dibayar oleh plaintif kepada defendan. Defendan seterusnya memfailkan bil kos dan notis penetapan kos. Setelah mendengar notis penetapan kos, timbalan pendaftar membenarkan bil kos defendan termasuk kos penyediaan guaman. Plaintif memfailkan bantahan terhadap taksiran ('bantahan tersebut') di bawah A 59 k 34(3) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'), supaya timbalan pendaftar mengkaji semula keputusannya. Bantahan tersebut difailkan oleh plaintif melalui surat. Defendan telah membantah permohonan plaintif atas alasan permohonan plaintif untuk pengkajian semula melanggar peruntukan KMT. Timbalan pendaftar telah membenarkan permohonan plaintif untuk bantahan tersebut bagi kajian semula keputusannya. Tidak puas hati dengan keputusan tersebut, defendan telah memfailkan notis rayuan kepada hakim dalam kamar.

Isu-isu yang dibangkitkan adalah: (a) sama ada defendan boleh merayu kepada hakim dalam kamar di bawah A 56 KMT 1980 terhadap keputusan timbalan pendaftar yang dibuat dalam satu prosiding kajian semula di bawah A 59 k 34 KMT; dan (b) sama ada plaintif perlu dan sepatutnya memfailkan satu permohonan secara saman mengikut Borang 172 untuk kajian semula di bawah A 59 k 34 KMT terhadap keputusan yang dibuat oleh timbalan pendaftar di bawah A 59 k 20 KMT dan juga untuk kajian semula taksiran oleh hakim dalam kamar di bawah A 59 k 36 KMT atau bantahan terhadap taksiran mengikut Borang 172 yang difailkan oleh plaintif memadai.

**Diputuskan**, menolak rayuan defendan dengan kos:

(1) Rayuan oleh defendan adalah terhadap satu keputusan yang dibuat oleh timbalan pendaftar atas isu undang-undang yang berkaitan dengan prosedur di bawah Kaedah-Kaedah Mahkamah dan bukan terhadap keputusan bagi amaun atau kos taksiran di peringkat kajian semula. Maka, defendan tidak dihadkan dan bebas untuk menggunapakai A 56 KMT untuk merayu kepada hakim dalam kamar (lihat perenggan 33).

(2) Tidak ada peruntukan khusus dalam KMT yang memerlukan plaintif memfailkan saman melalui Borang 172 untuk kajian semula keputusan pendaftar di bawah A 59 k 34 KMT. Menyuruh plaintif berbuat demikian melibatkan penulisan semula KMT, yang tidak merangkumi tugas mahkamah. Jikapun ini diperlukan dan plaintif gagal berbuat begitu, ketidakpatuhannya tidak memprejudiskan atau membawa ketidakadilan yang substansial (lihat perenggan 19 dan 20).

(3) Perbandingan-perbandingan yang wujud antara permohonan kepada pendaftar untuk mengkaji semula keputusannya di bawah A 59 k 34(1) KMT dan permohonan untuk kajian semula taksiran kepada hakim dalam kamar di bawah A 59 k 36(1) KMT adalah: (i) di mana yang kemudiannya memperuntukan 'melalui saman' dan yang terdahulu memperuntukan 'memohon kepada Pendaftar'; dan (ii) kajian semula oleh pendaftar adalah terhadap keputusannya yang dibuat di peringkat penetapan kos manakala kajian semula oleh hakim dalam kamar adalah kajian semula terhadap taksiran (lihat perenggan 18).

(4) Perkataan 'permohonan' dalam A 59 k 34 KMT tidak semestinya dikehendaki bertulis atau memfailkan saman. Mahkamah ini tidak boleh memberi makna yang lebih lanjut kepada perkataan 'permohonan' dan dengan sendirinya memasukkan perkataan saman seperti terkandung dalam A 59 k 36 KMT. Memandangkan, penggubal undang-undang atau Jawatankuasa Kaedah-Kaedah Mahkamah telah menggunakan perkataan 'keputusan' di bawah A 59 k 34 KMT 1980 manakala perkataan 'taksiran' dan 'saman' digunakan di bawah A 59 k 36 KMT, ini memang diniatkan (lihat perenggan 21).

(5) Pihak yang membantah atau memohon untuk kajian semula di bawah A 59 k 34 KMT di atas taksiran yang dibuat oleh pendaftar harus dan perlu menyatakan dengan jelas senarai-senarai yang dibantah termasuk sebab-sebabnya. Berdasarkan fakta, plaintif telah mematuhinya (lihat perenggan 22).

[**English summary**

The defendant had obtained four separate orders against the plaintiff together with costs paid by the plaintiff to the defendant. The defendant subsequently filed the bill of costs and notice of taxation. Upon the hearing of the notice to determine costs, the deputy registrar allowed the defendant's bill of costs including the getting-up fees. The plaintiff filed an objection on the taxation in accordance with O 59 r 34(3) of the Rules of the High Court 1980 ('the RHC'), seeking the taxed costs to be reviewed by the deputy regsitrar. The plaintiff's objection was by way of letter. The defendant argued that the plaintiff's application for review was in breach of the RHC. The deputy registrar allowed the plaintiff's application for review. Dissatisfied, the defendant made this appeal to the judge in chambers.

The issues raised were: (a) whether the defendant may appeal to judge in chambers under O 56 of the RHC against a decision by the deputy registrar in a proceeding for a review of taxation under O 59 r 34 of the RHC; and (b) whether the plaintiff should and ought to file an application by way of summons pursuant to Form 172 for a review under O 59 r 34 of the RHC against the decision by the deputy registrar under O 59 r 20 of the RHC and also for a review of taxation by the judge in chambers under O 59 r 36 of the RHC or the objection on the taxation as filed by the plaintiff pursuant to Form 172 was sufficient.

**Held**, dismissing the defendant's appeal with costs:

(1) The defendant's appeal was against the decision of the deputy registrar's decision on a point of law relating to the procedures provided under the Court Rules and not towards the decision as to the amount and taxed costs at the review stage. Therefore, the defendant was not precluded from relying under O 56 of the RHC to appeal to the judge in chambers (see para 33).

(2) There is no specific provision in the RHC which necessitates the plaintiff to file the summons by way of Form 172 for a review of taxation before the registrar under O 59 r 34 of the RHC. Compelling the plaintiff to do so tantamounts to rewriting the RHC, which is not part of the court's function. Even if such was necessary and the plaintiff had failed to do so, this non-compliance of the procedure had not resulted any prejudice or miscarriage of justice (see paras 19 and 20).

(3) The comparison between the application before the registrar to review his decision under O 59 r 34(1) of the RHC and an application for review of taxation before the judge in chambers O 59 r 36 are: (i) whereby the later clearly provides the words as 'by summons' and the former provides 'may apply to the Registrar'; and (ii) the review by the registrar is to review his own decision which was arrived during the taxation proceeding whereas the review by the judge in chambers is to review the taxation (see para 18).

(4) The word 'application' in O 59 r 34 of the RHC will not to be construed as to be in writing or summons to be filed. This court is unable to define further the word 'application' and add the word summons on its own volition as provided under O 59 r 36 of the RHC. It is the intention of the the legislator or the rules committee to codify the word 'decision' under O 59 r 34 of the RHC whereas the word 'taxation' and 'summons' under O 59 r 36 of the RHC, therefore the effect is to be given to the same (see para 21).

(5) The applicant or the opposing party in a review proceedings under O 59 r 34 of the RHC on the taxed costs by the registrar shall and must list out the items which was objected including the reasons for the objection. Based on the facts, the plaintiff had complied with this. (see para 22).]

**Nota-nota**

Untuk kes-kes mengenai kos penyediaan guaman, lihat 2(3) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan-perenggan 1637–1650.

**Kes-kes yang dirujuk**

*Arab Malaysian Credit Bhd v Tan Seang Meng* [1995] 1 MLJ 525 (dirujuk)
*Bousted Trading (1985) Sdn Bhd v Arab-Malaysian Merchant Bank Bhd* [1995] 3 MLJ 331 (diikut)
*Darnley (Earl of) v Proprietors of London, Chatham and Dover Rly* (1867) LR 2 HL 43 (dirujuk)

*Gilbert v Endean* (1878) 9 Ch 259 (dirujuk)
*Jasabena Sdn Bhd v Beh Heng Foo & Anor* [1985] 1 MLJ 394 (dirujuk)
*Keene v Biscoe* (1878) Vol VIII Ch D 203 (diikut)
*Kein v Stein* (1892) 66 LT 469 (dirujuk)
*Lakshmandas Chaganlal Bhatia & Anor v The State* AIR 1968 Bombay 400 (dirujuk)
*Lumbley v Osborne* (1901) 1 QB 532 (dirujuk)
*Mohamed bin Ismail v Tan Sri Haji Osman Saat & Ors* [1982] 2 MLJ 133 (dirujuk)
*MUI Bank Bhd v Alkner Investments Pte Ltd Jasabena Sdn Bhd v Beh Heng Foo & Anor* [1985] 1 MLJ 394 (dirujuk)
*Muniandy a/l Thambakaudan v D & C Bank Bhd* [1996] 1 MLJ 374 (dirujuk)
*Pilcher v Rawlins* (1872) 7 Ch App 259 (diikut)
*Pratap Singh v Shri Krishna* AIR 1956 SC 140 (dirujuk)
*Punjab Co-operative Bank Ltd, Amritsar v CIT*, Lahore AIR 1940 PC 230 (dirujuk)
*Rossage v Rossage & Ors* [1960] 1 All ER 600 (dirujuk)
*Sim Seah Beng @ Sim Sai Beng & Anor v Koperasi Tunas Muda Sungei Ara Bhd* [1995] 1 AMR 501 (dirujuk)
*Tan Chwee Geok & Anor v Khaw Yen Yen & Anor* [1975] 2 MLJ 188 (dirujuk)
*Wan Othman bin Dato' Wan Yusof v Kewangan Utama (M) Berhad* [1993] 2 CLJ 572 (dirujuk)

**Undang-undang yang dirujuk**

Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 3
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 1A 56 k 1, A 59 k 20, 34, 34(1), (2), (3), 35(3), 36, 36(1), (2), (3), (4)

*Suhairi bin Suko (Chong & Poh) bagi pihak plaintif.*
*Alex Charles (Nur Ashikin Alex & Rakan-Rakan) bagi pihak defendan.*

**VT Singham H:**

**[1]** Ini adalah satu rayuan yang difailkan oleh perayu/defendan melalui notis rayuan kepada hakim dalam kamar bertarikh 27 Mei 2003 (lampiran 60) terhadap sebahagian keputusan timbalan pendaftar yang diberikan pada 20Mei 2003 di atas bantahan perayu/defendan bahawa tiada permohonan bertulis melalui saman untuk kajian semula kos taksiran dimana bantahan tersebut ditolak oleh timbalan pendaftar. Dalam rayuan ini, perayu dan responden akan dirujuk sebagai defendan dan plaintif masing-masing.

**[2]** Sebelum mahkamah memberi keputusan di atas notis rayuan kepada hakim dalam kamar bertarikh 27 Mei 2003 (lampiran 60), mahkamah ingin untuk menyentuh dan menyatakan sedikit fakta-fakta dan latar belakang kes ini seperti berikut.

FAKTA-FAKTA DAN LATAR BELAKANG KES

**[3]** Dalam kes ini, defendan telah memfailkan bil kos (lampiran 49) dan notis penetapkan kos (lampiran 48) pada 21 Mei 2002. Notis penetapkan kos ditetapkan untuk pendengaran pada 7 Ogos 2002 di hadapan timbalan

pendaftar, Mahkamah Tinggi. Selepas mendengar kedua-dua pihak, timbalan pendaftar, Mahkamah Tinggi telahpun membenarkan kos kepada defendan seperti di pohon termasuk senarai-senarai (items) 404, 473, 499, 531 yang berkaitan dengan penyediaan guaman ('getting up'). Mahkamah ini mendapati daripada bil kos (lampiran 49) bahawa defendan telah memfailkan bil kosnya di atas perintah-perintah mahkamah iaitu: (i) perintah bertarikh 22 Februari 2001 (lampiran 23), (ii) perintah bertarikah 15 Jun 2001 (lampiran 29), (iii) perintah bertarikah 7 November 2001 (lampiran 39), dan (iv) perintah bertarikh 4 Februari 2002 (lampiran 47) untuk dibayar oleh plaintif kepada defendan.

**[4]** Sebaik sahaja timbalan pendaftar memutuskan bil kos penyediaan guaman ('getting up') pada 6 November 2002, plaintif tidak berpuas hati terhadap kos taksiran di atas empat senarai (items) yang berkaitan dengan penyediaan guaman (getting up) di atas senarai-senarai (items) 404, 473, 499 dan 531 dan memfailkan bantahan terhadap taksiran (lampiran 54) mengikut A 59 k 34(3) KMT supaya timbalan pendaftar mengkaji semula keputusannya. bantahan terhadap taksiran tersebut (lampiran 54) difailkan pada 19 November 2002 oleh peguamcara plaintif melalui surat bertarikh 18 November 2002 di atas bil kos tersebut. Selepas menerima bantahan terhadap taksiran tersebut (lampiran 54) daripada plaintif seperti dikehendaki di bawah A 59 k 34(3) KMT, timbalan pendaftar telah menghantar surat bertarikh 7 Mac 2003 kepada kedua-dua peguamcara bagi plaintif dan defendan dimana mereka diberitahu bahawa pendengaran untuk mengkaji semula keputusan beliau di atas akan didengar pada 30 April 2003.

**[5]** Pada 30 April 2003, peguam defendan telah membangkitkan bantahan melalui jawapan bertulis (lampiran 55) kepada bantahan terhadap taksiran (lampiran 54) untuk kajian semula di atas senarai-senarai (items) tersebut bahawa permohonan yang difailkan oleh plaintif melalui bantahan terhadap taksiran (lampiran 54) adalah cacat dan tidak sah dari segi undang-undang. Defendan juga telah menjawab kenapa amaun kos yang dibenarkan untuk penyediaan guaman (getting up) bagi kempat senarai tersebut tidak sepatutnya dikaji semula. Di sini adalah penting untuk menyatakan bahawa peguam defendan tidak membangkitkan bantahan tersebut seperti yang dicatat di jawapan (lampiran 55) sebagai satu bantahan awalan pada permulaan dan sebelum pendengaran untuk kajian semula diteruskan tetapi hanya bangkit isu tersebut sebagai satu bantahan dalam jawapan (lampiran 55) kepada bantahan terhadap taksiran (lampiran 54). Defendan juga tidak menyatakan dengan jelas apakah alasan-alasannya bahawa bantahan terhadap taksiran (lampiran 54) adalah cacat dan tidak sah. Selepas mendengar kedua-dua pihak tentang bantahan terhadap taksiran (lampiran 54) untuk kajian semula keputusannya dan meneliti jawapan oleh defendan (lampiran 55), timbalan pendaftar telah mengurangkan item 404 yang menjadi kepada RM500, item 473 dikurangkan RM1,000 yang menjadi RM3,500, item 499 tidak dibenarkan keseluruhannya manakala kos yang dibenarkan untuk item 531 dikekalkan. Jumlah yang dibenarkan adalah sebanyak RM4,500. Dengan itu, jumlah kos di atas pencampuran dengan kos serta perbelanjaan lain yang dipersetujui menjadikan jumlah yang dibenarkan sebanyak RM15,061.50 dan termasuk RM1,214 bagi fee alokator ia menjadi RM16,275.70. Timbalan pendaftar

telahpun mengeluarkan perakuan pendaftar bertarikh 29 Julai 2003 (lampiran 59) menurut A 59 k 35(3) KMT (lampiran 59) dan alokator bertarikh 20 Mei 2003 (lampiran 61).

**[6]** Oleh kerana defendan tidak berpuas hati terhadap keputusan timbalan pendaftar di peringkat kajian semula, defendan telah memfailkan rayuan kepada hakim dalam kamar (lampiran 60) terhadap isu bahawa tiada permohonan yang sah di hadapan timbalan pendaftar.

**[7]** Dengan latar belakang itu seperti dinyatakan di atas, mahkamah ini boleh memberi keputusan kepada notis rayuan kepada hakim dalam kamar selepas merujuk dan meneliti hujah-hujah dan autoriti-autoriti yang dikemukakan oleh kedua-dua peguam.

**[8]** Hujahan peguam defendan di peringkat rayuan ini dengan ringkas adalah seperti berikut:

(1) Tiada sebarang permohonan untuk kajian semula kos taksiran dihadapan pendaftar;

(2) Tiada permohonan formal difailkan oleh plaintif di hadapan timbalan pendaftar untuk kajian semula seperti yang dikehendaki di bawah A 59 k 34(2) KMT seperti Borang 172 dalam *Malaysian Court Forms In Civil Proceedings* yang digunapakai untuk kajian semula kos taksiran di hadapan hakim dalam kamar;

(3) Borang 172 tersebut boleh dipinda mengikut keperluan dan kesesuaian sesuatu kes;

(4) Apabila kaedah-kaedah mengunakan perkataan permohonan ia mungkin boleh dirujuk kepada Borang 172 *Malaysian Court Forms* yang telah wujud pada tahun 1988.

(5) Bantahan terhadap taksiran (lampiran 54) yang difailkan oleh plaintif bukanlah satu jenis permohonan seperti yang dikehendaki;

(6) Bantahan terhadap taksiran (lampiran 54) tidak seharusnya dipanggil untuk pendengaran di hadapan timbalan pendaftar kerana tiada permohonan yang sah;

(7) Timbalan pendaftar tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar kajian semula kos taksiran kerana tiada permohoan difailkan oleh plaintif. Oleh itu, defendan tidak memohon kajian semula dihadapan hakim dalam kamar seperti yang dikehendaki di bawah A 59 k 36 KMT terhadap perakuan yang dikeluarkan oleh timbalan pendaftar tetapi memfailkan notis rayuan. Sekiranya defendan memohon kajian semula taksiran di hadapan hakim dalam kamar ia akan memberi makna bahawa defendan telah setuju bahawa timbalan pendaftar boleh mengkaji semula kos taksiran seperti dipohon melalui bantahan terhadap taksiran (lampiran 54);

(8) Rayuan kepada hakim dalam kamar adalah dibuat di bawah A 56 k 1 KMT terhadap sebahagian keputusan timbalan pendaftar di mana

bantahan oleh defendan telah ditolak dalam prosiding kajian semula kos taksiran oleh timbalan pendaftar;

(9) Walau bagaimanapun, peguam defendan mengakui bahawa beliau tidak membangkitkan bantahan tersebut sebagai satu bantahan awalan pada permulaan tetapi telah membangkitkan bantahan itu sebagai satu alasan pertama. Walaupun bantahan awalan tidak dibangkitkan, ini tidak menghalang timbalan pendaftar untuk membuat keputusan terlebih dahulu di atas bantahan tersebut. Bantahan tersebut hanya dibangkit dalam jawapan (lampiran 55) dan penghujahan bagi defendan dan seperti bantahan pertama dan bukan cara asing pada permulaan prosiding dihadapan timbalan pendaftar;

(10) Oleh itu, pohon rayuan dibenarkan dan mahkamah ini mengeluarkan satu alokator baru untuk RM3,500 dan pembayaran alokator sebanyak RM280 dan kos untuk mengganti alokator bertarikh 20 Mei 2003 (lampiran 61) yang dikeluarkan oleh timbalan pendaftar.

**[9]** Hujahan peguam plaintif dengan ringkas adalah seperti berikut:

(1) Tidak perlu permohonan formal difailkan untuk kajian semula kos taksiran di hadapan timbalan pendaftar;

(2) Bantahan yang dibangkit oleh defendan sepatutnya dibangkit sebagai satu bantahan awalan sebelum prosiding untuk mengkaji semula kos taksiran diteruskan di hadapan timbalan pendaftar;

(3) Isu yang timbul adalah, sama ada bantahan terhadap taksiran (lampiran 54) merupakan satu permohonan seperti dikehendaki di bawah A 59 k 34 KMT. Timbalan pendaftar telah membenarkan pendengaran bantahan terhadap taksiran (lampiran 54) yang difailkan oleh plaintif terhadap taksiran yang dibuat pada 6 November 2002 sebagai satu permohonan kajian semula di hadapan timbalan pendaftar dimana isu yang dibangkit oleh defendan sebagai bantahan dalam jawapan (lampiran 55) telah ditolak.

(4) Keputusan yang dibuat oleh timbalan pendaftar di atas bantahan yang dibangkit oleh defendan bahawa tiada permohonan formal adalah satu 'ruling' yang tidak memutuskan hak pihak-pihak dimana belum diakhiri. Dalam kes ini, prosiding kajian semula kos taksiran tidak mengakhiri sehingga timbalan pendaftar mengeluarkan satu perakuan dengan menyatakan alasan-alasan untuk keputusan di atas senarai-senarai yang dipertikaikan (rujuk A 59 k 35(3) KMT).

(5) Oleh kerana defendan tidak membangkitkan bantahan awalan yang boleh dibuat secara lisan pada permulaan prosiding kajian semula dihadapan timbalan pendaftar, defendan harus memfailkan permohonan cara formal untuk membatalkan bantahan terhadap taksiran (lampiran 54) yang difailkan oleh plaintif. Oleh kerana defendan telah membiarkan prosiding kajian semula kos taksiran terhadap timbalan pendaftar diteruskan tanpa sebarang bantahan awalan, defendan dianggap telah mengetepikan (waived) hak beliau untuk bantah terhadap isu bahawa tiada permohonan formal yang difailkan oleh plaintif;

(6) Peguam defendan telah akui bahawa beliau tidak memohon kepada timbalan pendaftar untuk membuat satu 'ruling' di atas bantahan tersebut sebelum prosiding kajian semula kos taksiran dimulakan atau diteruskan dan defendan telah mengetepikan (waived) haknya. Peguam defendan juga tidak memohon kepada timbalan pendaftar untuk memberi sebarang arahan terhadap isu tersebut sebelum pendengaran tersebut diteruskan;

(7) Sekiranya kaedah-kaedah mahkamah memutuskan satu saman harus difailkan untuk kajian semula kos taksiran terhadap keputusan timbalan pendaftar, ia akan sebut cara jelas seperti yang telah disebut untuk kajian semula di hadapan hakim dalam kamar. Prosiding kajian semula dihadapan timbalan pendaftar di bawah A 59 k 34 KMT harus dibaca keseluruhan kaedah-kaedah dan bukan cara asing.

(8) Tiada sebarang borang atau format, khususnya sebagai permohonan untuk prosiding kajian semula di hadapan timbalan pendaftar dalam *Malaysian Court Forms* tetapi terdapat borang atau format seperti Borang 172 untuk kajian semula di hadapan hakim dalam kamar. Borang atau format yang ditetapkan dalam *Malaysian Court Forms* untuk kajian semula di hadapan timbalan pendaftar adalah Borang 171 di atas tajuk bantahan terhadap taksiran dan borang ini telahpun difailkan oleh plaintif.

(9) Defendan hanya merayu terhadap satu isu dan bukan keseluruhan keputusan timbalan pendaftar yang dibuat pada 20 Mei 2003 di atas kajian semula kos taksiran.

(10) Defendan tidak berhak untuk membuat rayuan di bawah A 56(1) KMT seperti yang dinyatakan dalam s 3 Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

(11) Oleh itu, pohon rayuan oleh defendan ditolak dengan kos.

**[10]** Hujah balas oleh peguam defendan adalah seperti berikut:

(1) Tidak membangkitkan isu tersebut sebagai bantahan awalan kerana ini tidak dibenarkan di bawah s 3 Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

(2) Defendan boleh membuat rayuan terhadap sebahagian keputusan timbalan pendaftar di atas bantahan bahawa tiada permohonan formal difailkan untuk kajian semula kos taksiran dan ini dibenarkan di bawah A 56 k 1 KMT.

(3) *Malaysian Court Forms* adalah satu panduan dan plaintif mesti memfailkan permohonan bertulis.

(4) Defendan tidak perlu memfailkan permohonan bertulis untuk membatalkan bantahan terhadap taksiran untuk kajian semula yang difailkan oleh plaintif.

KEPUTUSAN

**[11]** Dalam rayuan ini terdapat dua isu undang-undang yang utama iaitu:

(i) sama ada satu pihak seperti defendan boleh merayu kepada hakim dalam kamar di bawah A 56 k 1 KMT terhadap keputusan timbalan

pendaftar yang dibuat dalam satu prosiding kajian semula di bawah A 59 k 34 KMT;

(ii) sama ada plaintif perlu dan sepatutnya memfailkan satu permohonan secara saman mengikut Borang 172 untuk kajian semula di bawah A 59 k 34 KMT terhadap keputusan yang dibuat oleh timbalan pendaftar dibawah A 59 k 20 KMT sama dengan peruntukan yang ditetapkan di bawah A 59 k 36 KMT mengikut Borang 172 untuk kajian semula taksiran oleh hakim dalam kamar atau bantahan terhadap taksiran (lampiran 54) mengikut Borang 172 yang difailkan oleh plaintif memadai.

**[12]** Mengikut perakuan pendaftar (lampiran 59) timbalan pendaftar telah menolak bantahan peguam defendan bahawa tiada permohonan yang sah di hadapan beliau untuk mengkaji semula dan diantara alasan yang lain beliau memutuskan bahawa ketidak patuhan kaedah-kaedah bagi lampiran 54 tidak mendatangkan 'miscarriage of justice'. Walaupun mahkamah ini mendapati bahawa timbalan pendaftar telah menyatakan dalam perakuan pendaftar (lampiran 59) bahawa beliau telah menolak bantahan awalan tetapi peguam defendan dengan jujur menyatakan bahawa beliau tidak membangkitkan isu itu sebagai satu bantahan awalan kerana ia tidak dibenarkan di bawah s 3 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan juga ia tidak akan dilayan oleh sesetengah timbalan pendaftar.

*Kajian semula keputusan pendaftar*

**[13]** Mengikut A 59 k 34(1) KMT, apabila satu pihak tidak berpuas hati dengan keputusan pendaftar di atas kos taksiran, pihak itu boleh memohon kepada pendaftar untuk mengkaji semula keputusan itu dengan mengemukakan bantahan bertulis (rujuk A 59 k 34(3) KMT dibaca bersama dengan Borang 171 di *Malaysian Court Forms in Civil Proceedings Vol 3*)

**[14]** Bantahan bertulis akan menyebut bahawa:

(a) nyatakan (specifying) satu senarai, (items) atau sebahagiannya yang dibenarkan atau tidak dibenarkan atau amaun yang dibenarkan dibantah; dan

(b) menyatakan cara ringkas jenis dan alasan bantahan.

**[15]** Seterusnya dan selepas langkah-langkah yang perlu diambil dan dibuat di bawah A 59 k 34 KMT diselesaikan, pendaftar akan memberi Notis tentang tarikh dan waktu yang ditetapkan untuk pendengaran bantahan untuk mengkaji semula kepada semua pihak yang berkenaan. Kemudian pendaftar akan mendengar bantahan dan akan mengkaji semula keputusannya yang beliau telah buat sebelum itu. Dalam kes ini, perkara-perkara tersebut telah dibuat oleh timbalan pendaftar.

*Kajian semula terhadap taksiran yang dibuat oleh pendaftar oleh hakim dalam kamar*

**[16]** Mengikut A 59 k 36(1), (2) dan (3) KMT, mana-mana pihak yang tidak berpuas hati di atas keputusan pendaftar di atas kajian semula boleh

memohon melalui saman (Borang 172) kepada hakim dalam kamar untuk perintah mengkaji semula taksiran tersebut.

**[17]** Mengikut A 59 k 36(4) KMT, pihak yang memohon kepada hakim dalam kamar untuk mengkaji semula taksiran oleh pendaftar harus menyerahkan saman kepada pihak penentang. Hakim yang mendengar saman dalam kamar boleh membuat keputusan sama ada:

(a) menolak saman atau;

(b) perintah pendaftar dipinda atau

(c) kecuali dimana pertikaian adalah kepada senarai (item) yang dikaji adalah hanya kepada amaun sahaja boleh. Perintah senarai (item) itu dihantar balik kepada pendaftar untuk ditaksirkan atau;

(d) membuat sebarang perintah seperti keadaan memerlukan.

**[18]** Seterusnya, mahkamah ini berpendapat bahawa apabila satu bandingan dibuat di antara permohonan kepada pendaftar untuk mengkaji semula keputusannya di bawah A 59 k 34(1) KMT dan permohonan untuk kajian semula taksiran kepada hakim dalam kamar di bawah A 59 k 36(1) KMT, ia dengan jelas menggunakan perkataan melalui saman untuk permohonan kepada hakim dalam kamar dan tidak menyebut perkataan saman untuk permohonan kepada timbalan pendaftar tetapi hanya meminta pihak-pihak untuk memohon kepada pendaftar untuk kajian semula. Sila rujuk kepada Borang 171 dan 172 seperti dinyatakan di sini untuk perbandingan. Seterusnya bandingan yang wujud adalah kajian semula oleh timbalan pendaftar adalah terhadap keputusan yang beliau dibuat di peringkat penetapan kos dan kajian semula oleh hakim dalam kamar adalah kajian semula terhadap taksiran.

**171**

**BANTAHAN terhadap taksiran**

17 Bantahan yang dibuat oleh [Plaintif] terhadap taksiran oleh PQ seorang Pendaftar, bagi bil kos [Plaintif] di bawah [penghakiman] atau [perintah] bertarikh pada … haribulan … 20…

[Plaintif] membantah, atas sebab-sebab berikut, terhadap [perkara yang disebutkan di bawah ini yang [tidak] dibenarkan atau seperti yang berkenaan]:

| Bilangan Bantahan | Muka Surat Bil | Huraian perkara atau keputusan yang dibantah | Amaun dituntut (RM) | Amaun dibenarkan (RM) | Sebab-Sebab Bantahan |
|---|---|---|---|---|---|
| [No 1] | [8] | [Di sini nyatakan apa yang dibantah misalnya Perkara 4. Arahan bagi perbic-araan seperti diben-tangkan sepenuhnya dalam bil kos] | | [Di sini nyatakan secara ringkas jenis dan alasan bantahan] | [Adalah perlu ruang yang lebar diberikan disini untuk kegunaan Pendaftar] |

Bertarikh pada … haribulan … 20.

(tandatangan)

di (alamat), Peguamcara bagi pihak

[Plaintif]

Kepada:

[Pendaftar

dan Kepada:]

Tetuan GH & Co

Peguamcara bagi pihak (Defendan)

1 Untuk pengkajian semula taksiran lihat VI [5231]

**172**

**SAMAN untuk mengkaji semula taksiran**

18 BENARKAN SEMUA PIHAK hadir di hadapan Hakim dalam Kamar pada satu tarikh dan masa yang akan ditetapkan bagi mendengar satu permohonan oleh [Plaintif atau Defendan] supaya bantahan [Plaintif atau Defendan] bertarikh pada … haribulan … 20… terhadap taksiran bagi kos [tindakan atau perkara] ini di bawah perintah bertarikh pada … Haribulan … 19… dibenarkan dan supaya dirujukkan kepada pendaftar untuk mengubah perakuannya seperti yang wajar

DAN supaya kos-kos bagi permohonan ini dijadikan kos [Plaintif atau Defendan] kos yang mana hendaklah ditaksirkan.

Bertarikh pada … haribulan … 19…

(Tandatangan)

[Penolong Kanan Pendaftar] Pendaftar

Saman ini diambil keluar oleh Tetuan (nama), peguamcara bagi pihak

[Plaintif atau Defendan]

Kepada:

[Defendan atau Plaintif] dan kepada peguamcaranya, Tetuan (nama)

[Alamat].

1. Untuk perbincangan mengenai permohonan untuk pengkajian semula lihat VI

**[19]** Walau bagaimanapun, dan sekiranya plaintif perlu memfailkan permohonan melalui saman dan ini tidak dilakukan seperti dihujah oleh peguam defendan, mahkamah ini berpendapat ia tidak memprejudiskan atau membawa ketidakadilan kepada defendan. Seterusnya, mahkamah ini tidak menghargai bagaimana defendan boleh diprejudiskan atau ia membawa

satu ketidakadilan yang substansial (substantial miscarriage of justice) seperti dihujah oleh peguam defendan. Mahkamah ini tidak bersetuju bahawa suatu ketidakadilan substansial (substantial miscarriage of justice) seperti yang dihujah oleh peguam defendan telah berlaku terhadap defendan apabila timbalan pendaftar meneruskan dengan prosiding kajian semula tanpa sebarang saman difailkan oleh plaintif kerana langkah yang plaintif telah ambil apabila memohon kepada timbalan pendaftar dan memfailkan bantahan terhadap taksiran (lampiran 54) untuk mengkaji semula adalah memadai dan plaintif tidak perlu untuk memfailkan saman dalam bentuk yang dicadangkan oleh peguam defendan. Hujahan peguam defendan bahawa timbalan pendaftar tidak 'locus' dan/atau kuasa untuk mendengar kajian semula taksiran adalah disalah tafsirkan (misplaced in law) dan tidak diterima. timbalan pendaftar diminta untuk mengkaji keputusannya di atas bil kos manakala hakim dalam kamar diminta untuk mengkaji kos taksiran yang dibuat oleh timbalan pendaftar.

**[20]** Mahkamah ini berpendapat bahawa tidak ada sebarang peruntukan yang dinyatakan secara jelas (express) atau cara implikasi (impliedly) di bawah A 59 k 34 KMT bahawa plaintif perlu memfailkan saman dalam bentuk (Borang 172) seperti yang dicadangkan oleh peguam defendan untuk kajian semula keputusan pendaftar. Sekiranya mahkamah menerima cadangan atau hujahan tersebut, mahkamah ini terpaksa membuat atau menulis semula (rewrite) kaedah-kaedah di mana itu bukanlah tugas mahkamah ini. Dalam kes *Lakshmandas Chaganlal Bhatia & Anor v The State* AIR 1968 Bombay 400, Patel H yang memberi keputusan bagi Mahkamah Rayuan berkata:

> In order to ascertain the intention of the Legislature, every legislative provision has to be fairly and reasonably interpreted. The language must carry its ordinary meaning, unless the subject or its context suggests otherwise, and the Court is not entitled to speculate as to the intentions of the Legislature and invent restrictions and prohibitions not justified by the language of the statute on the ground that that would be the intention of the Legislature. Intention must be taken to have been expressed by the language used by the Legislature

**[21]** Mahkamah ini berpendapat bahawa perkataan 'permohonan' yang digunakan di bawah A 59 k 34 KMT tidak semestinya dikehendaki bertulis atau memfailkan saman. Mahkamah ini tidak boleh memberi makna yang lebih lanjut (extended meaning) kepada perkataan 'permohonan' dan dengan sendirinya memasukkan perkataan saman seperti terkandung dalam A 59 k36 KMT iaitu untuk kajian semula di hadapan hakim dalam kamar kepada prosiding untuk kajian semula di hadapan timbalan pendaftar. Oleh kerana penggubalan undang-undang atau Jawatakuasa Kaedah-kaedah Mahkamah telah menggunakan perkataan keputusan di bawah A 59 k 34 KMT manakala perkataan taksiran dan saman digunakan di bawah A 59 k 36 KMT, mahkamah ini berpendapat ini memang diniatkan atau sengaja dibuat. Seterusnya, dan di atas keadaan ini sahaja, mahkamah ini berpendapat bahawa tindakan yang diambil oleh plaintif untuk pohon kajian semula di hadapan timbalan pendaftar adalah memadai.

**[22]** Mahkamah ini berpendapat bahawa apa yang penting di bawah kaedah-kaedah kajian semula keputusan di hadapan timbalan pendaftar adalah pihak yang membantah atau memohon untuk kajian semula di bawah A 59 k 34

KMT di atas taksiran yang dibuat oleh pendaftar harus dan perlu menyatakan dengan jelas senarai-senarai (item/items) yang dibantah termasuk sebab-sebabnya. Dalam kes ini, mahkamah ini mendapati bahawa plaintif dengan jelas telah mematuhi kedua-dua keperluan dalam kes ini dengan menyatakan senarai-senarai (item-item) yang dibantah atau tidak disetujui dan sebab-sebabnya. Defendan tidak boleh dikatakan diprejudis atau tidak mengetahui apakah perkara-perkara yang dibantah atau supaya defendan tidak dapat memberi jawapan kepada bantahan tersebut. Juga, peguam defendan telah menjawab melalui jawapan (lampiran 55) kepada semua perkara–perkara yang dibangkit dan dipertikaikan oleh plaintif di lampiran 54. Sekiranya mahkamah ini tersilap di atas tafsiran kaedah-kaedah tersebut bahawa plaintif tidak perlu difailkan satu saman, A 1A (Pindaan) KMT berkata bahawa mahkamah harus memberi perhatian kepada keadilan bagi sesuatu kes dan bukan hanya kepada mematuhi sebarang kaedah. Pindaan A 1A tersebut yang dikuatkuasa pada 16 Mei 2002 adalah seperti berikut dan digunapakai dalam kes ini.

COURT OF JUDGE SHALL HAVE REGARD TO JUSTICE

In administering any of the rules herein the court or a judge shall have regard to the justice of the particular case and not only to the technical non-compliance of any of the rules herein.

**[23]** Dalam kes *Bousted Trading (1985) Sdn Bhd v Arab Malaysian Merchant Bank Bhd* [1995] 3 MLJ 331 di ms 342–343 Gopal Sri Ram HMR berkata:

That the justice of the case should be the overriding consideration is axiomatic. After all, courts exist to do justice according to the law as applied to the substantial merits of a particular case. And rules of court and of practice are created to facilitiate the attainment of justice, not its obstruction.

**[24]** Rujuk kes-kes:

(1) *Mohamed bin Ismail v Tan Sri Haji Osman Saat & Ors* [1982] 2 MLJ 133 di ms 134;

(2) *Tan Chwee Geok & Anor v Khaw Yen Yen & Anor* [1975] 2 MLJ 188;

(3) *Arab Malaysian Credit Bhd v Tan Seang Meng* [1995] 1 MLJ 525;

(4) *Sim Seah Beng @ Sim Sai Beng & Anor v Koperasi Tunas Muda Sungei Ara Bhd* [1995] 1 AMR 501.

**[25]** Dalam kes *Pratap Singh v Shri Krishna* AIR 1956 SC 140, Rose H bagi Mahkamah Agung berkata:

We deprecate this tendency towards technicality; it is the substance that counts and must take precedence over mere form. Some rules are vital and go to the root of the matter: they cannot be broken; others are only directory and a breach of them can be overlooked provided there is substantial compliance with the rules read as a whole and provided no prejudice ensures and when the legislature does not itself state which is which judges must determine the matter, and, exercising a nice discrimination, sort out one class from the other along broad based common sense lines.

**[26]** Sebaliknya, dalam kes *Punjab Co-operative Bank Ltd, Amritsar v CIT*, Lahore AIR 1940 PC 230, Viscount Maugham referred to the same principle in these terms:

> It is a well-settled general rule that an absolute enactment must be obeyed or fulfilled exactly, but it is sufficient if a directory enactment be obeyed or fulfilled substantially.

*Penepian (Waiver)*

**[27]** Walau bagaimanapun, dalam rayuan ini, mahkamah mendapati dua perkara yang wujud seperti diakui oleh peguam defendan bahawa beliau tidak membangkitkan sebarang bantahan awalan pada permulaan prosiding kajian semula di hadapan timbalan pendaftar, sama ada kajian semula boleh diteruskan atau tidak. Di atas tiada bantahan awalan, kajian semula diteruskan oleh timbalan pendaftar. Oleh itu, defendan telah mengetepikan (waiver) sebarang ketidakaturan (irregularity) sekiranya ia wujud.

**[28]** Sebaliknya, peguam plaintif juga tidak membangkitkan sebarang bantahan awalan pada permulaan rayuan ini di hadapan mahkamah ini, sama ada rayuan kepada hakim dalam kamar terhadap sebahagian keputusan timbalan pendaftar seperti di lampiran 60 boleh dilayan dan diteruskan atau tidak.

**[29]** Di atas rayuan ini, peguam plaintif hanya membangkitkan bahawa defendan tidak berhak untuk membuat rayuan kepada hakim dalam kamar di atas 'ruling' yang dibuat diprosiding kajian semula di peringkat hujah balas beliau. Sekiranya peguam plaintif berpendapat rayuan ini tidak sah kerana rayuan tidak dibenarkan di bawah KMT yang berkaitan dengan kajian semula keputusan timbalan pendaftar di atas isu taksiran, beliau harus bangkitkan satu bantahan awalan pada permulaan dan mohon kepada mahkamah untuk membuat keputusan terlebih awal di atas bantahan awalan supaya masa kehakiman dapat diselamatkan tetapi beliau tidak membuat sedemikian dan biarkan rayuan diteruskan sehingga akhir. Di atas tiada bantahan awalan oleh peguam plaintif pada permulaan, mahkamah ini berpendapat bahawa plaintif telah mengetepikan (waived) hak untuk membangkitkan bantahannya.

**[30]** Dalam kes *Kein v Stein* (1892) 66 LT 469, Cave H berkata:

> In order to establish a waiver, you must show that the party has taken some step which is only necessary or only useful if the objection has been actually waived or has never been entertained.

**[31]** Dalam kes *Keene v Biscoe* (1878) Vol VIII Ch D 203, Fry H berkata:

> Where a right has accrued it can be waived, but to amount to waiver there must be something done which is inconsistent with the continuance of that right.

**[32]** Dalam kes *Pilcher v Rawlins* (1872) 7 Ch App 259 di ms 268, Sir G Mellish H berkata:

> A person who approbates and reprobates is acting inconsistently. He must, in fact, be affirming and denying the same proposition at the same time.

(Rujuk kes (1) *Gilbert v Endean* (1878) 9 Ch 259; (2) *Lumbley v Osborne* (1901) 1 QB 532; (3) *Rossage v Rossage & Ors* [1960] 1 All ER 600; (4) *MUI Bank*

*Bhd v Alkner Investments Pte Ltd* [1990] 3 MLJ 385; (5) *Wan Othman bin Dato' Wan Yusof v Kewangan Utama (M) Berhad* [1993] 2 CLJ 572; (6) *Jasabena Sdn Bhd v Beh Heng Foo & Anor* [1985] 1 MLJ 394 di ms 396, dan (7) *Muniandy a/l Thambakaudan v D&C Bank Bhd* [1996] 1 MLJ 374 di ms 385 di mana kes *Darnley (Earl of) v Proprietors of London, Chatham and Dover Rly* (1867) LR 2 HL 43 dirujuk).

**[33]** Walau bagaimanapun dan oleh kerana rayuan oleh defendan adalah terhadap satu keputusan yang dibuat oleh timbalan pendaftar atas isu undang-undang yang berkaitan dengan prosedur di bawah kaedah-kaedah mahkamah dan bukan terhadap keputusan bagi amaun atau kos taksiran di peringkat kajian semula, mahkamah ini berpendapat bahawa defendan tidak dihadkan dan bebas untuk guna pakai A 56 KMT untuk merayu kepada hakim dalam kamar. Mahkamah ini berpuas hati bahawa rayuan ini kepada hakim dalam kamar langsung tidak sama sekali menyentuh keputusan amaun atau kos taksiran yang dibuat oleh timbalan pendaftar di kajian semula untuk pohon kajian semula taksiran oleh hakim dalam kamar. Seterusnya, dan sekiranya defendan tidak berpuas hati terhadap keputusan timbalan pendaftar di atas kajian semula terhadap mana-mana kos taksiran, defendan hanya berhak untuk pohon kajian semula oleh hakim dalam kamar seperti diperuntukan di bawah A 59 k 36 KMT tetapi dalam rayuan ini, defendan tidak merayu terhadap amaun kos yang tidak dibenarkan atau dikurangkan.

**[34]** Sebaliknya dan sekiranya isu tiada permohonan formal di hadapan timbalan pendaftar diperingkat kajian semula telah dibangkit seperti bantahan awalan dan seperti yang dicatat dalam perakuan pendaftar (lampiran 59), mahkamah ini berpendapat bahawa ia tidak membawa sebarang ketidakadilan substansial (substantial miscarriage of justice) di atas alasan-alasan seperti yang dinyatakan terlebih dahulu. Aturan 2 KMT yang dipinda pada 16 Mei 2003 telah menyatakan seperti berikut:

> A court or judge shall not allow any preliminary objection by any party to any cause or matter or proceedings only on the ground of non-compliance of any of these Rules unless the court or judge is of the opinion that such non-compliance has occasioned a substantial miscarriage of justice.

**[35]** Walau bagaimanapun, mahkamah ini tidak mempunyai kebebasan untuk menegangkan dan bebankan (stretch and strain) atau meluaskan peruntukan statutori tetapi hanya memberi makna seperti yang dicatatkan dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah.

**[36]** Dalam kes ini, mahkamah ini berpendapat bahawa sekiranya terdapat sebarang tidak teratur di atas undang-undang prosedur, ia tidak akan cacatkan prosiding kajian semula keputusan timbalan pendaftar, sekiranya ia tidak membawa ketidakadilan substansial (substantial injustice), atau prejudis kepada penentang atau ia telah mengakibatkan dengan satu ketidakadilan (miscarriage of justice). Dengan izin, mahkamah ini ingin menyatakan bahawa, (Mere irregularity in our procedural law should not be allowed to affect the taxation review proceedings before the registrar if there has been no substantial injustice or prejudice to the opponent or it has not resulted in any miscarriage of justice or it has been waived by the party affected).

**[37]** Di atas alasan-alasan tersebut dan setelah meneliti dan membaca hujah-hujah bertulis bersama-sama dengan otoriti-otoriti yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak dan setelah mendengar hujah-hujah lanjutan dan setelah meneliti dan membaca semula KMT, mahkamah ini berpendapat bahawa permohonan yang difailkan, iaitu bantahan terhadap taksiran (lampiran 54) seperti yang dikehendaki di bawah A 59 k 34 adalah memadai dan teratur dan ia tidak membawa sebarang ketidakadilan substantial (substantial injustice) ataupun ketidakadilan (miscarriage of justice) atau prejudis kepada defendan.

**[38]** Oleh itu, rayuan oleh perayu/defendan ditolak dengan kos.

*Rayuan defendan ditolak dengan kos.*

Dilaporkan oleh Sugandra Rao